

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inovasi saintis muda tentera	Harian Metro
2.	Bank data rekod maklumat pemandu teksi, Uber, Grabcar	Berita Harian
3.	Program kesedaran kanser serviks MTDC memanfaatkan 700 wanita	BERNAMA
4.	MTDC cervical cancer awareness programme has benefited 700 women	BERNAMA
5.	Gempa bumi sederhana landa Barat Daya Sumatera	BERNAMA



INOVASI SAINTIS MUDA TENTERA

■ **Baja EM raih anugerah
khas Pameran dan
Persidangan Antarabangsa
Saintis Muda i- RYSCEI7**

Nur Lela Zulkipli
nurlela@hmetro.com.my

Baaja mengandungi organisma mikro bermanfaat (EM) membawa tuah kepada negara apabila inovasi berkenaan berjaya meraih anugerah khas pada Pameran dan Persidangan Antarabangsa Saintis Muda Maktab Tentera Diraja (i-RYSCEI7) selama enam hari bermula 10 Julai lalu, sekali gus melonjakkan nama Malaysia ke persada dunia dalam bidang inovasi, sains dan teknologi.

Putera Maktab Tentera Diraja (MTD) Owen Vkish Wong, 17, yang terbabit dalam inovasi itu mencipta baja daripada bahan campuran susu, air cuci beras, abstrak anggur dan dadih sebagai pengganti baja kimia yang biasanya terdapat kesan negatif kepada tumbuhan dan pengguna.

Menurut Owen, kandungan EM dalam campuran itu mampu menggalakkan pertumbuhan akar, pembentukan buah dan pengeluaran pucuk baru.



"Setakat ini baja EM sudah mula digunakan untuk tanaman teh di Kundasang, Sabah pada April tahun lalu dan kini mendapat banyak permintaan untuk menggunakan produk sama."

"Hasil kajian selepas sebulan penggunaannya menunjukkan struktur tanah dapat dibaiki, malah pengeluaran daun teh juga meningkat sehingga mampu menghasilkan 2.641 kilogram daun sehektar."

"Selain itu, daun teh juga boleh tumbuh sepanjang 15.3 sentimeter dengan lebar 7.42 sentimeter berbanding penggunaan baja kimia yang hanya menghasilkan daun sepanjang 13.19 sentimeter."

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (RENCANA) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)



GAMBAR SAINEN NAFIS

Sementara bagi kategori perbentangan lisan, Malaysia memenangi dua pingat emas bagi projek SMACH E-BAT dalam bidang Kejuruteraan Fizik dari Sekolah Menengah Machang, Kelantan yang dikendalikan oleh Wong Hoe Ziet dan projek HYBACX SWIMSUIT oleh Arisya Ahmad Azizi dari Kolej Tunku Kurshiah.

Malaysia menambah empat pingat emas lagi dalam bidang Sains Persekitaran iaitu antaranya dari Maktab Rendah Sains MARA Taiping yang pertaruhkan inovasi Developing Greener Environment From The Red Through The Development of Haemofertilizer With Subtilis hasil gabungan idea dua pelajar.

Manakala lagi tiga inovasi adalah From Waste to Great Product, Xylitol - Extended Citric Acid Cross Linking System: Green Finishing of Cotton Fabric dan Super Magic Rice.

dan lebar 5.58 sentimeter," katanya.

Baja EM antara 40 inovasi daripada 19 sekolah dalam negara yang menjadi tumpuan dunia pada i-RYSCE17 anjuran Organisasi Sains Muda Malaysia (MYSO) yang memilih Maktab Tentera Diraja (MTD) sebagai tuan rumah dan diberi pengiktirafan sebagai pertandingan peringkat antarabangsa oleh Unit Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan.

Mendapat sokongan penuh dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, pertandingan berkenaan disifatkan sebagai platform terbaik kepada penyelidik dalam membentangkan dan mempamerkan hasil penyelidikan mereka terutama dalam lima bidang sains yang utama.

Naib Presiden MYSO Muhammad Sanjay Paramarie berkata, selaku penganjur pihaknya menekankan lima bidang utama iaitu Sains Hayat, Sains Komputer, Matematik, Fizik dan Kejuruteraan serta Sains Alam Sekitar.


"Pameran kali ini membolehkan peserta berumur 19 tahun dan ke bawah dari pelbagai negara iaitu Australia, Filipina, Guam, India, Indonesia, Iran, Laos, Nigeria, Sri Lanka dan Thailand.

"Kita mahu membuka peluang kepada pelajar tempatan dan luar negara bagi mempamerkan hasil

penyelidikan yang pernah dijalankan supaya dapat mengembangkan lagi inovasi yang bermanfaat kepada masyarakat sejagat," katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, kelmarin.

Malaysia turut memenangi anugerah Poster Terbaik yang diwakili Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra bertajuk Sisa Plastik Adalah Bahan Kukuh Untuk Membina Jalan.

Anugerah berkenaan adalah hasil idea dan kerja keras dua pelajar iaitu Mohd Syazwan Edham Mohd Ezakee dan Amelia Shanaz Ahmad Tarmizi.



OWEN bersama Muhammad Sanjay, hasil ciptaan Maktab Tentera Diraja meraih anugerah khas.



Bank data rekod maklumat pemandu teksi, Uber, Grabcar

Kerajaan disaran mewujudkan Bank Data Pemandu untuk merekodkan butiran peribadi pemandu teksi, Uber dan Grabcar dalam usaha menambah baik pelaksanaan Akta Pengangkutan Awam Darat.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, berkata bank data itu bertujuan memudahkan Suruhanjaya Per-

khidmatan Awam Darat (SPAD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenal pasti hanya individu yang bersih daripada rekod jenayah dibenarkan menjalankan perkhidmatan itu.

Kenal pasti identiti pemandu

Di samping itu, beliau berkata, ia juga dapat mengenal pasti identiti pemandu yang terbabit jika ber-

laku kejadian jenayah dalam tempoh perkhidmatan diberikan.

Beliau turut berharap kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dilaksanakan segera untuk mewujudkan sistem perkhidmatan awam darat menerusi aplikasi e-hailing (e-panggilan) yang akan menghubungkan semua perkhid-

matan darat di negara ini ke hujung jari pengguna bagi mengaplikasikan penggunaan teknologi secara menyeluruh.

"Saya juga mencadangkan supaya terma 'kontrak bebas' digunakan pakai pengendali perkhidmatan e-hailing dikaji semula supaya keselamatan pengguna dijamin serta dilindungi pelan insurans sekiranya ditimpa kecelakaan, disam-

ping memberi keadilan undang-undang kepada mangsa sekiranya ingin mengambil tindakan undang-undang kepada pengendali e-hailing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, semalam.



Program Kesedaran Kanser Serviks MTDC Memanfaatkan 700 Wanita

JOHOR BAHRU, 26 Julai (Bernama) -- Program Kesedaran Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri, Cervisafe telah memanfaatkan seramai 700 wanita sejak November tahun lalu.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Datuk Norhalim Yunus berkata aktiviti itu yang merupakan **Program Sosial Inovasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dipertanggungjawabkan kepada pihaknya untuk dijalankan.

Dalam masa sama, katanya MTDC bekerjasama dengan LaDIY Healthcare Sdn Bhd untuk mengadakan program itu di beberapa lokasi seluruh negara dengan syarikat tempatan terbabit berperanan menyediakan kit Cervisafe secara percuma kepada wanita yang layak menjalani ujian persampelan kanser serviks.

Wanita berkenaan adalah dalam golongan yang sudah berkahwin, pernah melahirkan anak dan kerap melakukan hubungan kelamin, katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Lokasi terlibat pula ialah Tamparuli di Sabah, Balik Pulau (Pulau Pinang), Sri Aman (Sarawak), Permatang Badak, Kuantan (Pahang), Bangi (Selangor), Tangga Batu (Melaka), Kota Bharu (Kelantan) dan yang terakhir, Johor Bahru (Johor).

Bagi Johor contohnya, program diadakan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai pada 24 Julai lepas dan telah berjaya menarik minat lebih 300 penduduk sekitar, katanya.

Seramai 85 daripada mereka juga layak menerima peralatan Cervisafe. Turut diadakan, taklimat dan demonstrasi penggunaan Cervisafe bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan saringan kanser serviks sebagai langkah pencegahan awal, kata beliau.

Menurut Norhalim, Cervisafe adalah sejenis peralatan peranti yang dihasilkan LaDIY Healthcare bagi pengesanan awal virus penyebab kanser serviks dengan cepat dan mudah.

Produk itu yang dibangunkan pada 2012 dengan kerjasama Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat pembiayaan Dana Pengkomersialan Hasil R&D (CRDF) daripada MTDC.

Produk itu membolehkan kaum wanita melakukan persampelan sendiri dalam keadaan selesa, praktikal dan selamat di kediaman masing-masing sebelum sampel dihantar ke makmal untuk ujian saringan.

Di makmal, pihak CaRE UPM dan LaDIY akan menganalisis sampel tersebut sebelum keputusan dapat dihantar dalam tempoh seminggu bagi menentukan sama ada seseorang wanita memerlukan rawatan susulan atau tidak.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JULAI 2017 (KHAMIS)



MTDC's Cervical Cancer Awareness Programme Has Benefited 700 Women

JOHOR BAHRU, July 26 (Bernama) -- A cervical cancer awareness programme using self-sampling tool Cervisafe, has benefited 700 women since November last year.

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) chief executive officer Datuk Norhalim Yunus said the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** had entrusted them to carry out the social innovation programme.

He said MTDC had cooperated with LaDIY Healthcare Sdn Bhd to hold the programme at various locations throughout Malaysia, with the local company providing free Cervisafe kits to women eligible for a cervical cancer sampling test, namely those who were married, have had children, and frequently engaged in intercourse.

According to Norhalim, Cervisafe is a quick and easy self-sampling tool produced by LaDIY Healthcare for early detection of cervical cancer-causing viruses.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JULAI 2017 (KHAMIS)



Gempa Bumi Sederhana Landa Barat Daya Sumatera

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter melanda barat daya Sumatera, Indonesia pada 7.23 pagi hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata, gempa itu berpusat di 225km barat daya Bengkulu, Indonesia dan 828km barat daya Pontian, Johor.

Bagaimanapun ia tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA